

19/11/1997

Anggota Kongres perlu minta maaf

DUTA Amerika Syarikat ke Malaysia, John R Malott boleh menyifatkan tindakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan, sebagai tindakan tidak wajar. Jika seorang duta yang mewakili negara berkenaan berani mengecam tindakan mereka itu, apakah kredibiliti yang ada pada ahli kongres itu. Kita mengandaikan kenyataan Malott yang dibuat pada satu sidang akhbar itu sebagai kenyataan rasmi kerajaan Amerika. Ini bermakna Malott bercakap bagi pihak Washington dan kemungkinan besar atas arahan Rumah Putih. Oleh itu, kita berpendapat tidak ada sebab 34 anggota Kongres Amerika yang mewakili parti Birokrat itu layak untuk terus memegang jawatan masing-masing. Adalah lebih terhormat mereka meletakkan jawatan kerana tindakan mereka terhadap Dr Mahathir, jelas menghina kerajaan Amerika sendiri. Apatah lagi, mereka mewakili parti yang memerintah. Jika mempunyai maruah diri, mereka seharusnya meletakkan jawatan beramai-ramai kerana melakukan kesalahan yang mengaibkan dan boleh menjejaskan hubungan diplomatik antara dua negara. Mereka tidak seharusnya menunggu Bill Clinton mengarahkan mereka meletakkan jawatan. Malott sudah cukup memberi mesej kepada mereka bahawa tindakan yang memalukan itu boleh menjejaskan imej Kongres Amerika. Malott tidak mungkin secara sukarela memberi kenyataan tanpa restu Rumah Putih kerana sedar masa depannya mungkin terjejas jika beliau mengambil sikap menyokong Dr Mahathir.

Kita sedar 34 ahli Kongres itu adalah kecil bilangannya. Mereka tidak pun boleh mewakili suara majoriti keseluruhan ahli Kongres. Dari segi undi di dalam kongres sekalipun, mereka akan tewas. Mereka bukan saja tidak mendapat sokongan daripada anggota kongres mewakili Birokrat, apatah lagi daripada Republican. Oleh itu apa hak mereka ingin mencetuskan perbalahan. Pada kita anggota Kongres yang lain tidak membuat sebarang pendirian kerana tidak berani menentang unsur-unsur kebenaran yang diutarakan oleh Dr Mahathir berhubung isu urus niaga pasaran wang. Mereka juga boleh menjangkakan kemungkinan berlakunya salah tafsiran kenyataan Dr Mahathir berhubung isu Yahudi. Dr Mahathir sudah pun menjelaskan kenyataannya itu tetapi mereka seolah-olah mahu meneruskan kekeruhan. Sepatutnya, sekali pun tidak jelas dengan kenyataan Dr Mahathir mereka boleh mendapatkan penjelasan sebenar daripada kerajaan Malaysia atau sekurang-kurangnya menghubungi wakil Malaysia di negara mereka. Bertindak membabi-butanya hanya menimbulkan ketegangan yang sia-sia.

Mustahil bagi Malaysia untuk memulakan sesuatu yang buruk terhadap satu kuasa besar seperti Amerika. Kita juga sedar padahnya melawan Amerika. Tetapi, disebabkan segala angkara bermula daripada sikap anggota Kongres yang ingin mencari publisiti murah, mereka melakukan sesuatu untuk menimbulkan isu kontroversi dengan matlamat untuk menaikkan imej diri. Malaysia boleh memilih untuk tidak melayan tindakan anggota Kongres berkenaan kerana mereka yang berbuat demikian, tidak mempunyai kuasa untuk menentukan masa depan negara ini. Tetapi, bagi kita, tindakan mengundur itu boleh mencemarkan imej Malaysia di mata dunia. Kita tidak mahu dianggap sebagai gentar dengan perjuangan untuk menegakkan keadilan dan kebenaran.

Sekarang kita ingin bertindak balas meminta semua 34 ahli Kongres Amerika meminta maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir. Kita mahu mereka mengakui bahawa tindakan mereka mengemukakan usul supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan, sebagai tindakan yang memalukan diri sendiri, rakyat

dan kerajaan Amerika. Kita juga mahu mereka meminta maaf kepada rakyat Malaysia. Pada kita ini amat penting kerana tindakan mereka itu menimbulkan kemarahan rakyat. Rakyat Malaysia terpaksa bangun untuk membuktikan bahawa kuasa luar tidak ada hak untuk menentukan kepemimpinan negara ini. Kita ingin memberitahu ahli Kongres berkenaan bahawa sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat terhadap Dr Mahathir setakat ini adalah peringkat permulaan. Arus yang lebih besar akan berlaku jika 34 anggota Kongres itu terus menunjukkan kedegilan mereka. Jika mahu proses berbaik-baik, kita haruslah menghormati hak rakyat negara lain.

Bagaimanapun, sebagai mewakili negara mereka, kita terpaksa mengemukakan bantahan menerusi saluran yang kita fikirkan wajar. Beberapa pertubuhan sudah pun menemui duta mereka di sini dan bantahan yang sama akan juga dihantar ke Washington. Kerajaan Amerika, walaupun tidak suka dibabitkan dalam isu ini, tidak boleh melepaskan tanggungjawab begitu saja akibat tindakan ahli Kongres mereka.

(END)